

07/07/2001

Marina hadir sidang HIV

KUALA LUMPUR, Jumaat - Presiden Majlis Aids Malaysia (MAC), Datin Paduka Marina Mahathir, akan mewakili negara dalam mesyuarat pertama panel pakar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai HIV dan misi keamanan tentera di New York, September ini.

Antara agenda utama yang dijangka dibentangkan ialah sama ada anggota misi keamanan PBB, perlu menjalani ujian darah sebelum dan selepas misi berkenaan.

Marina berkata, beliau akan berbincang dengan Tentera Darat mengenai isu ujian darah.

(END)